

**Najib Ucap Tahniah Kepada Pasangan Diraja Atas Kelahiran Putera Sulung Mereka Bernama
23 July, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Putera William dan isterinya Catherine, Duchess of Cambridge, yang menyambut kelahiran putera sulung mereka di London pada Isnin.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Duke dan Duchess of Cambridge atas kelahiran putera sulung mereka," katanya dalam akaun Facebooknya.

"Saya berpeluang bertemu pasangan diraja ini semasa lawatan mereka ke Malaysia tahun lepas, dan saya doakan setiap kebahagiaan bagi mereka dan bayi mereka," katanya.

Catherine melahirkan bayi lelaki pada 4.24 petang di Hospital St Mary, London pada Isnin.

Bayi itu merupakan pewaris ketiga takhta Britain selepas putera sulung Ratu Elizabeth, Putera Charles, dan kemudian anaknya Putera William.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965560>